

1650MST 03 11 84

U B202 DEB  
MAHATHIR RRRRR

1984

JOHOR BAHRU, 3 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI D R .  
MAHATHIRMOHAMAD BERKATA SEKTOR SWASTA DAN AWAM DINEGARAINI PERLU  
MEMPERLUASKAN USAHA-USAHA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DEMIKEMAJUAN  
SESUATU PERUSAMAAN.

KATANYA LANGKAH ITU PERLU KERANAPADA MASA INI PERUNTUKAN BAGI  
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DIKEDUA-DUA SEKTOR ITU ADALAH SANGAT  
KURANG WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA INSTITUSI AWAM DAN SWASTA YANG  
MENUMBUHKAN BAHAGIAN-BAHAGIAN TERSEBUT SECARA SENDIRI.

BELIAU MENEGASKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN AMAT PENTING BAGI  
KEMAJUAN SESUATU PERUSAHAAN BAHKAN IA MENJADI TULANG BELAKANG UNTUK  
BEBERAPA INDUSTRI SEPERTI INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI, PENERBANGAN,  
FARMASI DAN PENGANGKUTAN JALAN.

BERUCAP MERASMIKAN KOMPLEKS PEMBINAAN DAN PERKHIDMATAN KERETAPI  
MALAYSIA SHIPYARD AND ENGINEERING (MSE) KIRA-KIRA 32 KM DARISINI  
HARI INI BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN BERBAGAI GALAKAN  
CUKAI BAGI MENDORONG SEKTOR SWASTA UNTUK MENJALANKAN USAHA  
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.

KATANYA, GALAKAN ITU MERUPAKAN TAMBAHAN KEPADA KELONGGARAN CUKAI  
BAGI PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG DALAM SESUATU USAHA PENYELIDIKAN  
DAN PEMBANGUNAN. -- LAGI 1

1516MST 03 14 84

0910

U B206 DEB  
MAHATHIR JOHOR BAHRU RRRRR

UNTUK TAHUN-TAHUN KANDATANG, KERAJAAN BERHARAP USAHA-USAHA  
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ITU AKAN DIPERLUASKAN DI KEDUA-DUA  
SEKTOR AWAM DAN SWASTA, + KATANYA.

MENURUTNYA, GALAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG PATUT  
DIBERIPERHATIAN DAN KEUTAMAANIALAH YANG SELARAS DENGAN STRATEGI  
PERINDUSTRIAN NEGARA.

JELAS BELIAU, INI BERMAKNA USAHA-USAHA PENYELIDIKAN DIBIDANG  
INDUSTRI YANG BERASASKAN SUMBER ATAU KOMODITI TEMPATAN SEPERTI  
GETAH, KAYU-KAYAN DAN MINYAK KELAPASAWIT HARUSLAH DIBERIGALAKAN  
UTAMA.

DATUK SERI D R . MAHATHIR BERKATA BUAT MASA INI INDUSTRI-INDUSTRI  
YANG BERASASKAN SUMBER UTAMA TEMPATAN BANYAK MENGGUNAKAN TEKNOLOGI  
ASING.

KATANYA, DENGAN ADANYA USAHA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
DI JALANKAN KE ATAS SUMBER UTAMA TEMPATAN, NEGARA INI AKAN DAPAT  
MEMAJUKAN LAGI KEUPAYAAN TEMPATAN BAGI MEMBAIKI PROSES PENGELUARAN,  
REKA BENTUK DAN PEMBUNGKUSAN. -- LAGI

1533MST 03 11 84

R B208 DEB  
MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU R'R'

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MINGGATKAN BAHAWA WALAUPUN GALAKAN UTAMA DIBERI KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN SUMBER TEMPATAN, USAHA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ITU JUGA HARUS DITINGKATKAN DI SEMUA BIDANG TERUTAMANYA OLEH SEKTOR SWASTA.

KATANYA LANGKAH ITU PENTING KERANA USAHA PENYELIDIKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT ASING DI NEGARA INI PADA AMNYA DIJALANKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT INDUK DI LUAR NEGERI.

+ KERAJAAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MEMPENGARUHI SYARIKAT-SYARIKAT ASING TERSEBUT MENJALANKAN PENYELIDIKAN MEREKA DI MALAYSIA TETAPI SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN HARUSLAH DAPAT MENINGKATKAN USAHA-USAHA PENYELIDIKAN ITU, + TEGAS BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA WALAUPUN BEBERAPA INSTITUSIA WAM DAN SWASTA TELAH MENUBUHKAN BAGIAAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNANNYA SENDIRI, KERAJAAN SEDAR BAHAWA KEJAYAANNYA MASIH BERGANTUNG KEPADA SIFAT DEDIKASI, KETEKUNAN DAN KREATIF SESEORANG KAKITANGAN YANG TERLIBAT DENGANNYA.

KERAJAAN BERHARAP DENGAN ADANYA ADUNAN RAPIDI ANTARA KEMUDAHAN DAN PERALATAN PENYELIDIKAN YANG DISEDIAKAN SERTA DENGAN TERDAPATNYA KAKITANGAN YANG BERDEDIKASI LAGI KREATIF MAKA USAHA TERSEBUT AKAN MENEMPAH KEJAYAAN YANG DICITA-CITAKAN. --LAGI

MAHATHIR 4 JOHOR BAHRU R'R'

BAGI KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MSE, BELIAU BERKATA MEREKA PERLU LAH BERUSAHA SUPAYA PERMODENAN GERABAK DAN KOC KERETAPI UNTUK KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DARI MASA KE SEMASA.

TEGASNYA MEMANDANGKAN KEDUA-DUA BADAN TERSEBUT MEMPUNYAI KEPENTINGAN KERAJAAN, ADALAH DIHARAPKAN BEBERAPA SUSUNAN ATAU PERATURAN DAPAT DIADAKAN DEMI KEBAIKAN BERSAMA.

MENGENAI KERETAPI, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBAIKI DAN MEMODENKAN LAGI PENGANGKUTAN AWAM ITU SUPAYA IA AKAN LEBIH CEKAP, SELAMAT DAN SEDERHANA TAMBANGNYA.

+ RANCANGAN PERMODENAN KERETAPI ITU SEDANG DIPERTIMBANGKAN OLEH SEBUAH JAWATANKUASA YANG AKAN MELIBATKAN BEBERAPA FASA TERMASUKLAH MENGGANTIKAN KOC DAN GERABAK YANG LAMA DENGAN YANG BARU, + KATANYA.

PEMBINAAN KOC-KOC DI MSE ITU ADALAH DI BAWAH PENGAWASAN TELITI SEBUAH BADAN PROFESIONAL YANG DILANTIK OLEH KTM AGAR KESELAMATAN DAN KUALITI PEMBINAANNYA TIDAK DIABAIKAN. TAMBAHNYA. -- LAGI  
1556MST 03 11 84

U B215 DEB  
MAHATHIR 5 JOHOR BAHRU R'R'

MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJAYAANNYA HANYA DAPAT DICAPAI SEKIRANYA RAKYAT DI NEGARA INI TELAH MEMBUAT PERSEDIAAN-PERSEDIAAN YANG PERLU UNTUK MENERIMANYA.

+ UNTUK MENJAYAKAN USAHA ITU MEREKA YANG INGIN MENDAPATKANNYA PERLU LAH TERLEBIH DAHULU MEMBUAT PERSEDIAAN SEPERTI MEMBACA RENCANA-RENCANA MENGENAI TEKNOLOGI BARU YANG SEDIA ADA, + KATANYA.

BELIAU MENAMBAHKAN MEREKA JUGA ANTARA LAIN PERLU MELIHAT DENGAN TELITI KERJA-KERJA YANG DIBUAT, BERTANYA BERMACAM-MACAM SOALAN, MEMBUAT KAJIAN DAN MENCATATKAN SEMUA YANG DIPELAJAR DALAM KERTAS MEREKA SENDIRI SEBAGAI SATU KAJIAN DAN AKHIRNYA MEREKA HARUS MENERBITKAN ESSEI ATAU TESIS DALAM JURNAL PROFESIONAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN BOLEH MENDESAK DAN MENGENAKAN SYARAT KEPADA ORANG ASING SUPAYA MEMINDAHKAN TEKNOLOGI MEREKA KE NEGARA INI TETAPI SELAGI RAKYAT TIDAK SANGGUP MENGHADAPI RINTANGAN DAN HALANGAN YANG DIKENAKAN OLEH NEGARA-MEGARA ASING, SELAGI ITULAH USAHA TERSEBUT TIDAK AKAN BERJAYA.

+ SOAL YANG PERLU KITA TANYA SEKARANG IALAH MENGAPA ORANG LAIN (JEPUN DAN KOREA) BOLEH MENDAPATKAN TEKNOLOGI DARIPADA ORANG ASING, TETAPI KITA TIDAK? + TEGASNYA LAGI. -- BERNAMA

1604 MS7 03 11 84

128